

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

**NO. RAYUAN TRK (K) 13-2014
NO. RAYUAN TRK (K) 14-2014
(Pendengaran Bersama)**

FAKTA KES

1. Pada 2 Januari 2014 dan 10 April 2014 Perayu telah mengimport *Power Cord* dari negara China. Perayu telah mengikrar kedua-dua pengimportan tersebut di bawah kod tarif 8544.42 990 yang tidak tertakluk kepada apa-apa duti import dan cukai jualan (*nil import duty and sales tax*). Hasil semakan Cawangan Verifikasi dan Profiling, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Selangor mendapati dagangan *Power Cord* tersebut tidak sesuai diikrar di bawah kod tarif 8544.42 990. Dagangan tersebut lebih sesuai diikrar di bawah kod tarif 8544.42 920 yang dikenakan duti import 20% dan cukai jualan *nil*. Berdasarkan verifikasi kod tarif yang baru itu, Pengarah Kastam Negeri, Selangor melalui surat bertarikh 23 Mei 2014 telah menuntut Perayu membayar duti import sebanyak RM11,143.77 bagi dagangan yang diimport pada 2 Januari 2014. Melalui surat bertarikh 10 September 2014, Pengarah Kastam Negeri, Selangor telah menuntut Perayu membayar duti import sebanyak RM6,937.93 bagi dagangan yang diimport pada 10 April 2014.

2. Berpandukan kepada Borang Kastam No. 1 dan kelulusan di dalam Borang C.J. No. 5, Perayu mempertikaikan tuntutan JKDM, Selangor atas alasan kod tarif yang diikrar di dalam kedua-dua borang tersebut iaitu 8544.42 920 telah diterima dan diluluskan oleh JKDM, Selangor semasa kedua-dua pengimportan tersebut dilepaskan dari kawalan JKDM. Oleh itu, pembayaran tuntutan JKDM, Selangor di peringkat ini akan merugikan Perayu. Di dalam Borang Kastam No. 1, Perayu juga telah menuntut *preferential rate of duty* di bawah *Asean China Free Trade Area Preferential Tariff*.

3. Perayu tidak berpuas hati dengan tuntutan oleh JKDM, Selangor. Pada 27 Oktober 2014 Perayu telah memfailkan dua Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam.

ISU

1. Adakah keputusan Pengarah Kastam Negeri, Selangor bertarikh 23 Mei 2014 dan 10 September 2014 merupakan keputusan Ketua Pengarah Kastam.
2. Pelanjutan masa untuk pemfailan kedua-dua rayuan.
3. Pembayaran duti import di bawah peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007 sebelum pendengaran kedua-dua rayuan.
4. Penetapan kod tarif yang betul bagi kedua-dua pengimportan dagangan *Power Cord*.

(Tarikh sebutan kedua-dua rayuan ini ditetapkan pada 24 Mac 2015. Melalui surat bertarikh 17 Mac 2015 Perayu telah menarik balik kedua-dua rayuan dengan alasan Perayu sedang mengadakan perbincangan dengan pihak JKDM)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

17 Mac 2015